

## **Majlis Upacara Pembukaan Rasmi Perpustakaan, Bilik AKRAB dan Galeri** **INSTUN**

Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) telah mengadakan Majlis Upacara Pembukaan Rasmi Perpustakaan, Bilik AKRAB dan Galeri INSTUN pada 2 September 2021. Majlis ini telah dirasmikan oleh YBrs. Puan Norehan binti Omar, Pengarah INSTUN dengan disaksikan oleh Ketua-ketua Bahagian berserta Pendaftar INSTUN. Sejurus selepas majlis menandatangani papan tanda perasmian ini, Puan Pengarah bersama tetamu lain dibawa ke ketiga-tiga fasiliti ini untuk melihat ruangan yang telah diselenggara baharu. Bagi Galeri INSTUN pula akan dibuka untuk peserta kursus melawat dan mengetahui peralatan ukur serta geran-geran tanah lama dibawah kelolaan Bahagian Ukur dan Pemetaan serta Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah. Semoga pembukaan secara rasminya bagi ketiga-tiga fasiliti ini memberi dan membawa manfaat kepada semua.





